

lampumerah



SEBAHAGIAN PATI warga Bangladesh dan Myanmar yang ditemui di Pantai Kuala Muda dan Kuala Temoyong di Pulau Langkawi, Kedah baru-baru ini.

**Bot bawa pendatang Bangladesh, Myanmar tersangkut di benteng pemecah ombak**  
**1,051 PATI terdampar di Langkawi**

Bot-bot kecil yang membawa pendatang dari Bangladesh dan Myanmar tersangkut di benteng pemecah ombak di Pulau Langkawi, Kedah. Akibatnya, 1,051 pendatang terdampar di pulau tersebut. Mereka kini ditempatkan di pusat-pusat deteksi dan pemrosesan di pulau itu.

**Kebanyakan PATI yang ditemui telah lelaki dan mereka hanya memikul saku-saku pendek atau kain pelaburan mereka? cuba**

KERATAN akhbar Kosmo! 12 Mei 2012.

**Imigresen tahan 68 warga asing di pusat refleksiologi**

KEJALA KAMPUR - Seramai 68 warga asing yang didapati melanggar peraturan imigresen di sini ditahan di pusat refleksiologi di pulau itu. Mereka akan menjalani pemeriksaan lanjut di pusat itu.

KERATAN akhbar Kosmo! 23 September 2012.

**Polis tahan 13 GRO warga asing**

KEJALA KAMPUR - Tiga belas orang warga asing yang didapati melanggar peraturan imigresen di sini ditahan di pusat refleksiologi di pulau itu. Mereka akan menjalani pemeriksaan lanjut di pusat itu.



KERATAN akhbar Kosmo! 12 April 2012.

# Malaysia tumpuan pendatang haram

Kosmo  
17/5/2015  
m/s 14.

## penahanan warga asing di Malaysia

- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menahan 385 pendatang asing dalam operasi bersepadu penjaja warga asing di beberapa lokasi sekitar ibu kota pada 6 Januari 2013.

- Seramai 72 warga asing yang bekerja di premis perniagaan pusat urut dan refleksiologi di sekitar Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur ditahan atas pelbagai kesalahan dalam operasi Jabatan Imigresen pada 23 September 2012.

- Jabatan Imigresen negeri menahan tujuh wanita warga asing kerana disyaki terlibat dalam kegiatan tidak bermoral di sebuah rumah di Apartmen Taman Bukit Delima, Seremban, Negeri Sembilan pada 18 April 2012.

- Seramai 79 orang pendatang asing tanpa izin (PATI) ditahan dalam Ops Putih yang dilakukan imigresen di sekitar Chow Kit, Kuala Lumpur pada 17 November 2008.

Oleh MOHAMMAD SHAHEMY AZMI  
shahemy.azmi@kosmo.com.my

SU mengenai kedatangan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke Malaysia bukanlah perkara baharu dan terkini, negara dikejutkan dengan penahanan 1,158 warga asing. Mereka dipercayai berasal dari Bangladesh dan Myanmar termasuk wanita serta kanak-kanak yang mendarat di perairan Pulau Langkawi secara haram.

Kumpulan PATI yang dipercayai terdiri daripada dua kumpulan itu belayar selama dua bulan di laut sebelum mendarat di perairan negara ini.

### Gadai nyawa

Akhbar *Kosmo!* pada 12 Mei lalu melaporkan, kumpulan pertama PATI ditemui di Pantai Kuala Muda dekat Padang Matsirat selepas bot yang mereka naiki dikatakan tersangkut di benteng pemecah ombak kira-kira pukul 10.30 malam, 11 Mei.


Pada pukul 2.30 pagi keesokan harinya, kumpulan kedua PATI pula ditemui di kawasan kuala sungai Kuala Temoyong, Kedawang kira-kira 10 kilometer dari lokasi kumpulan pertama ditemui.

Pegawai Perpaduan Langkawi, Mashor Ahmad memberitahu, pihaknya dimaklumkan tentang penemuan PATI di pantai Kuala Muda oleh anggota Skim Rondaan Sukarela kira-kira pukul 1.30 pagi.

Menurut beliau, kebanyakan PATI yang ditemui hanya memakai seluar pendek atau kain pelekat dengan baju-T, malah ada yang ditemui tanpa baju.

"Mereka kelihatan letih dan kelaparan kerana mendakwa terputus bekalan makanan sepanjang belayar, malah ada yang mati dan dicampakkan ke dalam laut," jelasnya ketika di-

## Malaysia yang kaya dengan lambakan peluang pekerjaan, selain faktor negara aman menjadi pilihan kebanjiran warga asing.



PENDATANG asing sanggup menggadai nyawa dan berlajar demi meneruskan kelangsungan hidup di Malaysia. – Gambar hiasan

hubung *Kosmo! Ahad.*

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Langkawi, Superintendan Harith Kam Abdullah berkata, kesemua PATI itu dipercayai belayar keluar dari negara masing-masing menggunakan khidmat sindiket tempatan di sana.

Sebelum memasuki perairan Malaysia, kumpulan berkenaan dikatakan berada di Thailand buat sementara waktu sebelum dibawa masuk ke negara ini dan seterusnya ke Langkawi.

"Tiada tekong yang ditahan dan setakat ini hanya sebuah bot yang membawa PATI itu ditemui," katanya yang turut memberitahu, kesemua warga asing itu kemudian dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi untuk siasatan lanjut sebelum dipindahkan ke depoh tahanan Jabatan Imigresen di pulau legenda itu.

Perjalanan lebih 1,000 PATI itu untuk sampai ke Malaysia ditempuhi dengan pelbagai kesukaran apabila mereka didakwa

terpaksa berhutang dan menggadai tanah bagi membayar upah kepada tekong darat sehingga mencecah RM7,000.

Laporan itu turut memaklumkan, negara ini menjadi destinasi utama bagi penyeludupan imigran dan pendatang asing menerusi Thailand sebagai negara transit bagi kegiatan tersebut.

Sehubungan itu, pihak berkuasa kini sedang giat memburu seorang lelaki warga Thailand yang dikenali sebagai Ko Tong kerana dikatakan menjadi perancang utama sindiket perdagangan manusia itu.

Terdahulu Malaysia pernah berhadapan dengan beberapa isu melibatkan pelarian terutama dari negara bergolak.

Misalnya seperti isu di Pulau Bidong, Terengganu antara tahun 1979 hingga 1980 apabila kira-kira 250,000 pelarian dari Vietnam mendarat di pulau kecil itu untuk mencari perlindungan.

Zaman pelarian itu bermula dengan kejatuhan kerajaan demokratik Vietnam Selatan

yang disokong Amerika Syarikat ke tangan kerajaan Komunis Vietnam Utara pada April 1975.

Selain itu, Malaysia pernah merekodkan jumlah kedatangan pelarian paling tinggi dalam satu pelayaran iaitu sebanyak 2,400 orang yang mendarat di Pelabuhan Klang pada November 1978.

### Peluang pekerjaan

Dalam pada itu, Malaysia yang merupakan sebuah negara dengan kedudukan strategik menjadi pilihan lambakan pendatang asing kerana beberapa faktor.

Antara faktor utama adalah negara ini memerlukan tenaga buruh dalam kalangan warga asing.

Sektor pekerjaan yang diisi oleh pekerja asing termasuk perladangan, pembinaan, perkilangan dan pembantu rumah.

Pekerjaan yang terdapat di Malaysia mampu memberi pendapatan agak stabil dan wang tersebut boleh dikirim ke negara asal untuk menyara keluarga.

"Kebanjiran PATI tidak seharusnya dipandang ringan kerana mereka mampu menguasai ekonomi negara sekiranya terus diberi peluang," kata Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Malaysia Sarawak, Prof. Shazali Abu Mansor.

Faktor lain yang mendorong kebanjiran warga asing ke Malaysia adalah kerana masalah kestabilan politik di negara asal seperti isu pergolakan kaum etnik Rohingya di Myanmar yang tidak diiktiraf negara itu.

Tambahan pula keamanan dan kemakmuran Malaysia mendorong kebanjiran pekerja asing ke negara ini berbanding keadaan negara asal mereka yang dilanda huru-hara kerana faktor peperangan, bencana alam dan rusuhan kaum.



HARITH KAM